

Rebat, insentif maju tenaga solar

Wawasan Suria dilancar kurangkan guna gas asli

BH: Sabtu 23/6/2007

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Malaysia melancarkan Wawasan Suria bagi menggerakkan agenda mengurangkan penggantungan tenaga daripada sumber gas asli dan mengeksploitasi cahaya suria untuk menghasilkan elektrik bersih dan bebas petroleum.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Wawasan Suria antara lain membabitkan Program Suria 1000 iaitu projek menghasilkan tenaga elektrik melalui teknologi solar photovoltaic (PV) yang mampu memanfaatkan sumber semula jadi.

Abdullah berkata, kerajaan menawarkan pelbagai insentif termasuk kepada pemaju hartanah untuk membangunkan projek pemasangan panel solar dalam projek pembangunan dilaksanakan sehingga 2010.

"Saya gembira mengumumkan Program Suria 1000 di bawah 'Malaysia Building Integrated Photovoltaic' atau projek MBIPV akan diteruskan sehingga 2010 dengan rebat RM11 juta disediakan kepada pihak memasang lebih banyak sistem solar BIPV," katanya berucap melancarkan Wawasan Suria dan Program Suria 1000, di sini, semalam.

Teks ucapan Perdana Menteri dibaca Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi. Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor; Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Dr Halim Man serta Ketua Eksekutif Pusat Tenaga Malaysia (PTM), Dr Anuar Abdul Rahman.

Abdullah berkata, sebagai permulaan, 14 pemilik kediaman dipilih untuk menerima rebat khas bernilai hampir RM900,000 untuk memasang sistem solar BIPV di bawah peluang pertama Program Suria 1000.

"Saya gembira menyatakan 14 pemilik kediaman terbabit bersetuju membayar sejumlah RM800,000 atau 47 peratus daripada kos pemasangan sistem solar BIPV.

"Kediaman ini dipasang kapasiti sistem solar BIPV 58 kiloWatt (kW) bagi menghasilkan 1.67 GigaWatt sejam (GW/h) tenaga elektrik diperbaharui yang bersih untuk tempoh 25 tahun bagi mengurangkan pelepasan 1,000 tan karbon dioksida," katanya.

Abdullah berkata, tenaga solar dihasilkan dijual kepada syarikat utiliti tenaga menerusi skim dikenali 'net-metering' dengan nilainya tertera pada bil elektrik diterima setiap bulan sebagai bukti sumbangan mereka kepada inisiatif kerajaan.

Perdana Menteri berkata, beliau menggesa institusi kewangan menyediakan pakej kewangan menarik untuk memberi peluang kepada orang ramai memiliki kediaman yang dijana tenaga solar serta membiayai pemasangan sistem solar BIPV di kediaman mereka.

Beliau berkata, semua pihak perlu mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan Program Suria 1000 dan tenaga diperbaharui (RE) menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dicapai kerana kerajaan menyokongnya melalui pelbagai cara.

Program Suria 1000

RM11j

Rebat disediakan

RM88j

Kos